

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

<b>1.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>4 LOKASI IPU TIDAK SIHAT</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>HARIAN METRO (21 JULAI 2025)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>ALAM SEKITAR</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>20 (LOKAL)</b>

# 4 lokasi IPU tidak sihat

*Putrajaya kawasan terbaharu direkod selepas Nilai, Johan Setia dan Banting*

**KELIHATAN** pemandangan jerebu di Kampung Tengah, Puchong pada tengah hari, semalam. Empat lokasi di Selangor dan Negeri Sembilan mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat setakat 9 pagi, semalam. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

**Oleh Nurul Hidayah Bahaudin**  
[nurulhidayah@shmetro.com.my](mailto:nurulhidayah@shmetro.com.my)

**Kuala Lumpur**

**P**utrajaya menjadi lokasi terbaharu mencatatkan bacaan indeks pencemaran udara (IPU) tidak sihat setakat jam 2 petang, semalam. Semakan menerusi laman sesawang Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara (APIMS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati Putrajaya, Nilai, Banting dan Johan Setia di Klang merekodkan bacaan IPU tidak sihat.

Nilai di Negeri Sembilan merekodkan bacaan IPU tertinggi iaitu 162 diikuti Johan Setia dan Banting masing-masing merekodkan 154 dan Putrajaya (153).

Semalam Metro Ahad melaporkan jerebu rentas sempadan didapati sedang melanda beberapa negeri pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Dr Mohd Hisham Mohd Anip dilaporkan berkata, laporan dikeluarkan oleh Asean Specialised Meteorological Centre (ASMC) mendapati terdapat 79 titik panas di kawasan Sumatera.

Menurutnya, ia berkeungkinan menjadi punca kepada keadaan berjerebu di Malaysia yang dibawa oleh tiupan angin barat daya.

**Kebakaran akibat perbuatan manusia**

**Kuala Lumpur.** Kebakaran hutan dan belukar di Kajang dan Bukit Jalil sejak beberapa hari lalu dipercayai berpunca akibat perbuatan manusia.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BPJ) Datuk Nor Hisham Mohammad berkata, keadaan cuaca ketika ini tidak cukup panas mencetus kebakaran secara semula jadi.

"Penyalakan sendiri tak mungkin berlaku dengan cuaca sekarang jadi, besar kemungkinan kebakaran ini berpunca daripada manusia, walaupun kita tidak membuat siasatan forensik khusus," katanya ketika dihubungi, semalam.

Nor Hisham berkata, antara kejadian terkini ialah kebakaran hutan seluas kira-kira 1.2 hektar di kawasan bukit Kajang Prima, Selangor, semalam, yang memerlukan 22 anggota bomba serta empat jentera untuk memadamkan api.

Sebelum itu, kejadian kebakaran belukar dilaporkan berlaku berhampiran kawasan Bukit Jalil di sini hingga memaksa pasukan bomba mengambil tindakan pantas bagi mengawal api daripada merebak ke kawasan berhampiran.

Nor Hisham berkata, sebanyak 7,223 kes kebakaran direkodkan di seluruh negara bagi tempoh 1 Januari hingga kelmarin membolehkan kebakaran kebun atau ladang, hutan, belukar dan sampah.

Kebakaran belukar atau ladang mencatat jumlah tertinggi iaitu 4,733 kes diikuti kebakaran sampah (1,662 kes), hutan (537 kes) dan kebun atau ladang (291 kes).

Selangor merekodkan jumlah kes tertinggi dengan 1,364 kejadian diikuti Perak (938), Johor (831), Kedah (662), Kuala Lumpur (613) dan Labuan (44), manakala Putrajaya mencatatkan jumlah terendah dengan lapan kes.

2.	TAJUK	9 KAWASAN DI ENAM NEGERI CATAT IPU TIDAK SIHAT
	SUMBER	BH (22 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)

# 9 kawasan di enam negeri catat tahap IPU tidak sihat

JAS tingkat penguatkuasaan, rondaan ke lokasi berisiko berlaku pembakaran

Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sembilan kawasan di negara ini mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) pada tahap tidak sihat setakat jam 3 petang, semalam.

Ketua Pengarah Alam Sekitar, Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, berkata bacaan IPU dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) itu babitkan kawasan di enam negeri iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Terengganu.

"Di Wilayah Persekutuan, IPU tidak sihat, iaitu 132 direkodkan di Cheras, manakala Selangor membabitkan kawasan Banting dengan kadar IPU 135, manakala Johan Setia bacaan IPU, 152.

"Di Negeri Sembilan, dua kawasan merekodkan IPU tidak sihat adalah Nilai dengan bacaan 138 dan Seremban (155). Di Pahang, Temerloh merekodkan bacaan 152 dan Balok Baru, Kuantan, 152.

"Selain itu, di Kemaman, Terengganu, bacaan IPU adalah 153 dan Alor Gajah, Melaka, 157," katanya.

IPU direkodkan di laman sesawang JAS setakat jam 3 petang semalam turut menunjukkan tiga kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik



Keadaan jerebu di Cheras yang merekodkan bacaan tidak sihat dengan IPU 133.

(Foto Fathil Asri/BH)

dan 56 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana.

Mengulas faktor kemerosotan kualiti udara di kebanyakan kawasan terbabit, Wan Abdul Latiff berkata, ia masih dipengaruhi jerebu rentas sempadan.

Selain itu, katanya, ada insiden kebakaran di Tapak Pelupusan Sampah (TPS) Jerangau-Jabor, dekat Mukim Sungai Karang, Kuantan, Pahang yang menyebabkan bacaan IPU tidak sihat di dua kawasan iaitu Balok Baru Kuantan dan Kemaman, Terengganu.

#### 40 titik panas dikesan

Berdasarkan laporan ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura kelmarin, terdapat 40 titik panas (*hotspot*) dikesan di Su-

matara, 64 titik panas dikesan di Kalimantan dan 19 titik panas dikesan di dalam negara iaitu 12 di Sabah, masing-masing tiga di Pahang dan Sarawak dan satu di Selangor.

"Peta Jerebu Serantau dikeluarkan ASMC pada 21 Julai (semalam) menunjukkan pergerakan angin bertiup ke arah barat daya dan terdapat lingkaran asap jerebu diperhatikan. Keadaan kering dilaporkan di bahagian selatan Semenanjung bahagian Sumatera, Jawa, Kepulauan Sunda Kecil dan selatan Kalimantan.

"Titik panas terpencil dikesan di Sumatera, manakala beberapa titik panas dikesan di Semenanjung, Kalimantan, Vietnam dan Thailand," katanya.

Justeru, JAS mengambil langkah perlu antaranya meningkatkan tindakan penguatkuasaan

dan aktiviti rondaan harian ke kawasan berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.

Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan (PTJK) turut diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan agensi kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu.

Di **Kuching**, Sarawak berdepan risiko jerebu rentas sempadan susulan peningkatan ketara titik panas di Kalimantan, Indonesia.

Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) berkata, berdasarkan laporan ASMC bagi tempoh 14 hingga kelmarin, hanya empat titik panas dikesan di Sarawak.

3.	TAJUK	PENDUDUK DENGKIL TERSEKSA. 13 TAPAK HARAM AKTIF : MP SEPANG
	SUMBER	HARIAN METRO (22 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (LOKAL)

## PENDUDUK DENGKIL TERSEKSA

# 13 tapak haram aktif: MP Sepang

Oleh Samadi Ahmad  
am@hmetro.com.my

### Cyberjaya

Satu langkah bersepadu perlu dilaksanakan bagi menangani isu tapak sampah haram yang bukan sahaja tertumpu di Dengkil, Sepang, malah beberapa kawasan lain seperti Kajang dan Hulu Selangor.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, isu berkenaan perlu ditangani dari sudut penguatkuasaan dan pemilihan tanah, malah kerajaan negeri bersedia menggubal undang-undang baharu jika perlu.

Katanya, masalah berkenaan terangkum di bawah Akta Kanun Tanah Negara, namun ia dapat ditangani melalui pasukan petugas (*task force*) sekiranya aduan rakyat itu diberi respons segera.

"Mungkin kita perlu naikkan kadar denda dan ambil tindakan tegas bu-



*Mungkin kita perlu naikkan kadar denda dan ambil tindakan tegas bukan sahaja ke atas operator sampah haram, tetapi kepada tuan tanah kerana kesannya amat parah"*

Amirudin Shari

sampah haram, tetapi kepada tuan tanah kerana kesannya amat parah," katanya.

Harian Metro semalam melaporkan keluhan penduduk sekitar kawasan Dengkil yang terpaksa 'berjiran' dengan tapak pelupusan sampah haram sejak lima tahun lalu.

Bukan hanya baunya meloyakan, udara di sekitar kawasan juga boleh tercemar apabila sampah ini dibakar.

Ketua Kampung Dengkil, Al Rasyid Ab Rani dilapor

berkata, beberapa kawasan di sekitar sini dikenal pasti menjadi lokasi pembuangan sampah haram antaranya di Bukit Damar, Batu 1 Jalan Air Hitam, Revolusi Hijau, Kampung Seri Tanjung dan Batu 32.

Amirudin berkata, kerajaan negeri membelanjakan puluhan juta ringgit bagi membersihkan kawasan yang terjejas selepas tanah berkenaan dirampas.

Bagaimanapun, katanya, tindakan undang-undang juga menghadapi kekangan

apabila keputusan mahkamah sebelum ini memihak kepada pengendali kerana tempoh notis pembersihan kawasan tanah selama tiga bulan didapati tidak mencukupi.

"Kita perlu semak semula dari segi perundangan agar ada kuasa untuk merampas, mengenakan denda lebih tinggi serta tindakan lebih tegas terhadap tuan tanah dan operator yang terbabit," katanya.

Sementara itu, Timbalan Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) Mohamad Shah Osman berkata, pihaknya komited menangani isu pembuangan dan tapak sampah haram demi memelihara kelestarian alam sekitar serta imej daerah ini.

Katanya, ia adalah suatu cabaran besar kerana pembuangan sisa secara tidak terkawal memberi kesan terhadap kesihatan awam, ekosistem dan kualiti kehidupan penduduk.

Menurutnya, sehingga Jun tahun ini, MPSepang mengesan 13 lokasi sampah

haram yang masih aktif manakala sembilan tapak berjaya ditutup sepenuhnya.

Katanya, kewujudan tapak pelupusan sampah haram itu berpunca daripada sikap kontraktor yang mengambil jalan mudah demi mengaut keuntungan dengan melonggokkan sampah di tempat yang tidak sepatutnya.

"Kegiatan tidak bertanggungjawab ini didalangi oleh pihak yang diupah oleh pengurusan kilang dan tapak pembinaan serta dikesan semakin berani dan tidak menghiraukan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh MPSepang," katanya.

Mohamad Shah berkata, MPSepang sudah mengadakan tindakan penguatkuasaan terhadap pihak yang melakukan kesalahan dengan menyita kenderaan serta mengadakan rondaan secara berkala oleh penguatkuasa.

"MPSepang turut memasang tujuh kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan

hot spot yang sering dijadikan lokasi serta menahan tapak setiap minggu individu yang melakukan pembuangan sampah secara haram. Sehingga Jun lalu MPSepang sudah menyita 50 lori dan mengeluarkan 70 kompaun terhadap pelaku," katanya.

Mohamad Shah berkata, kompaun dan sitaan maksimum RM2,000 dikenakan terhadap setiap lori yang disita.

Menurutnya, dalam usaha bagi membendung aktiviti pembuangan sampah haram pihaknya memohon kerjasama daripada orang ramai untuk tampil memberi maklumat berhubung perkara berkenaan.

Katanya, pelbagai usaha sedang giat dijalankan bagi membanteras masalah ini dengan mengadakan kerjasama bersama agensi seperti Pejabat Daerah dan Tanah Sepang, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan agensi lain.

4.	TAJUK	DUA KAWASAN CATAT IPU TAK SIHAT
	SUMBER	BH (23 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (LOKAL)

# Dua kawasan catat IPU tak sihat

**Negeri Sembilan pertimbang pembenihan awan jika bacaan indeks meningkat**

Oleh Ercy Gracella Ajos dan Ahmad Hasbi  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Hanya dua lokasi merekodkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat setakat jam 5 petang semalam. Semakan menerusi laman sesawang Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara (API-MS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati kawasan Johan Setia di Selangor mencatatkan bacaan IPU tertinggi dengan catatan 154, diikuti Nilai di Negeri Sembilan (117).

Hanya Langkawi di Kedah merekodkan bacaan tahap baik iaitu 41, 65 kawasan lain mencatatkan bacaan IPU sederhana.

Menurut APIMS, IPU antara 0 hingga 50 dikategorikan baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 300 ke atas (berbahaya).

**Gerak pelan tindak balas**

Di **Seremban**, kerajaan negeri mempertimbangkan pelaksanaan pembenihan awan sekiranya bacaan IPU terus meningkat di tiga stesen utama di negeri ini.

EXCO Keusahawan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Pengguna negeri, S Veerapan, berkata pihaknya memandang serius impak jerebu semakin memburuk di rantau ini.

"Kami sudah menggerakkan pelan tindak balas negeri berdasarkan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan serta Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan selaras dengan arahan



Keadaan jerebu di sekitar Kuala Lumpur, petang semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

Ibu Pejabat JAS.

"IPU melebihi ambang 150 dalam tempoh berterusan 24 jam mendorong pengaktifan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri oleh Agensi Pengurusan

Bencana Negara (NADMA), dengan koordinasi penuh dari pihak berkuasa tempatan, jabatan teknikal, dan unit kesihatan awam," katanya.

Belliau berkata, kerajaan nege-

ri menerusi komited mempergiat rondaan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti pembakaran terbuka terutama di kawasan pertanian dan lot industri berisiko tinggi.

5.	TAJUK	PELAN TINDAK BALAS NEGERI TANGANI JEREBU : RANCANG LAKSANA PEMBENIHAN AWAN.
	SUMBER	HARIAN METRO (23 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	10 (LOKAL)

Oleh Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my

Seremban

**K**erajaan negeri mempertimbangkan pelaksanaan pembenihan awan sekiranya bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) terus meningkat di tiga stesen utama di negeri ini.

EXCO Keusahawan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Pengguna negeri, S Veerapan berkata, pihaknya sudah menggerakkan pelan tindak balas negeri berdasarkan kepada Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan serta Pelan Tindakan Pembaka-

**PELAN TINDAK BALAS NEGERI TANGANI JEREBU**

# Rancang **laksana** pembenihan awan

ran Terbuka Kebangsaan, selaras dengan arahan daripada Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"IPU yang melebihi ambang 150 dalam tempoh berterusan 24 jam mendorong pengaktifan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara

(NADMA), dengan koordinasi penuh daripada pihak berkuasa tempatan, jabatan teknikal dan unit kesihatan awam," katanya.

Jelas beliau, kerajaan negeri komited mempergiat rondaan

dan penguatkuasaan terhadap aktiviti pembakaran terbuka, terutamanya di kawasan pertanian dan lot industri yang berisiko tinggi.

"Selain itu, kerajaan negeri juga menilai pelaksa-

naan teknologi pembenihan awan secara bersepadu dengan agensi Pusat, sekiranya pencemaran udara terus meningkat," katanya.

Sejak Sabtu lalu, bacaan IPU di Port Dickson, Seremban serta Nilai bersilih ganti merekodkan bacaan tidak sihat dan melebihi 150.

**Kerajaan negeri komited mempergiat rondaan dan penguatkuasaan**



PEMANDANGAN Jambatan Angkat (Drawbridge) kelihatan kabur berikutan jerebu melanda di sekitar bandar raya Kuala Terengganu. Empat kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat setakat jam 10 pagi semalam. Menurut portal Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia Jabatan Alam Sekitar (JAS), kawasan terbabit ialah Seremban, Negeri Sembilan dengan bacaan IPU 155, Nilai (154), Johan Setia di Selangor (151) dan Balok Baru Kuantan, Pahang (140). - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

6.	TAJUK	EMPAT KAWASAN CATAT BACAAN IPU TIDAK SIHAT.
	SUMBER	HARIAN METRO (23 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	10 (LOKAL)

**Kuala Lumpur:** Empat kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat setakat 10 pagi semalam.

Menurut portal Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia Jabatan Alam Sekitar (JAS),

## Empat kawasan catat bacaan IPU tidak sihat

kawasan itu adalah Seremban, Negeri Sembilan dengan bacaan IPU 155, Nilai (154), Johan Setia di Selangor (151) dan Balok Baru Kuantan, Pahang (140).

Menurut klasifikasi JAS bacaan IPU 101 hingga 200 yang boleh memberikan kesan kepada golongan berisiko tinggi termasuk warga emas, kanak-kanak

serta individu hidap penyakit pernafasan.

Data IPU dikeluarkan setiap jam berdasarkan 68 stesen pengawasan kualiti udara di seluruh negara

dan orang ramai boleh merujuk laman sesawang <https://eqms.doe.gov.my/APIMS/main> atau memuat turun aplikasi MyJAS EQMS di Google Play atau

App Store.

Kementerian Kesihatan juga mengeluarkan nasihat kesihatan dan langkah pencegahan semasa jerebu yang boleh didapati menerusi laman sesawang [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my) - Bernama

7.	TAJUK	JEREBU TINGKAT KOS PERUBATAN
	SUMBER	BH (24 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	16 (NASIONAL)

# Jerebu tingkat kos perubatan

**Pendedahan berulang berulang mengakibatkan penyakit kronik termasuk kanser paru-paru**

Oleh Saadiah Ismail  
Saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pendedahan berulang kepada masalah jerebu boleh mengakibatkan penyakit kronik seperti penyakit paru-paru obstruktif (COPD), kanser paru-paru dan masalah jantung, selain menyumbang kepada kematian awal, menjejaskan perkembangan paru-paru kanak-kanak dan meningkatkan beban kesihatan negara.

Pakar Governan Persekitaran dan Kesihatan, Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman, berkata kerajaan dan rakyat perlu menanggung kos lebih tinggi membabitkan rawatan penyakit berkaitan jerebu, sekiranya masalah itu berterusan jangka masa panjang.

Beliau berkata, peningkatan kos itu bukan saja membabitkan kesihatan tetapi ia merangkumi pelbagai dimensi seperti ekonomi, pendidikan dan kualiti hidup keseluruhan.

"Mengambil contoh masalah jerebu yang melanda negara pada 2013, ia menyebabkan kos rawatan kesihatan di hospital dan klinik mencecah RM410 juta, kehilangan produktiviti akibat cuti sakit hingga RM958 juta, di mana kos keseluruhan akibat kesan jerebu itu ialah RM1.57 bilion.

"Ini memandangkan jerebu menyebabkan masalah kesihatan



Keadaan kualiti udara yang sederhana di Pelabuhan Klang, semalam.

(Foto Ahmad Ukasyah/BH)

segera seperti iritasi mata, hidung dan tekak, peningkatan asma, jangkitan saluran pernafasan serta keletihan yang akhirnya mengganggu aktiviti harian, penutupan sekolah, pembatalan acara luar dan peningkatan beban rawatan di klinik dan hospital.

"Dalam sektor ekonomi, jerebu jangka pendek menjejaskan produktiviti kerja, pelancongan serta pertanian," katanya kepada BH, semalam.

Dr Haliza berkata, orang ramai terutama pekerja yang terdedah kepada persekitaran luar semasa jerebu antara golongan yang menghadapi risiko kesihatan yang tinggi.



Dr Haliza

**Pakai pelitup N95**

"Bagi mengurangkan risiko ini, orang ramai yang mempunyai urusan di luar bangunan dan pekerja luar disarankan memakai pelitup N95, mengurangkan masa terdedah di luar serta memantau kualiti udara melalui aplikasi seperti MyIPU.

"Dalam masa sama, majikan perlu memainkan dalam menye-

diakan langkah perlindungan seperti waktu kerja fleksibel dan ruang rehat tertutup supaya kesihatan pekerja tidak terus terancam.

"Pengambilan air yang mencukupi dan elakkan aktiviti fizikal berat turut penting bagi membantu tubuh menyesuaikan diri dengan udara tercemar," katanya.

Jelasnya lagi, pemakaian pelitup muka biasa seperti pelitup pembedahan atau kain tidak berkesan untuk melindungi daripada zarah halus PM2.5, di mana kajian American Lung Association dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan hanya pelitup N95 atau KN95 mampu menapis sekurang-kurangnya 95 peratus zarah halus bersaiz 0.3 mikron, termasuk PM2.5.

"Dalam kajian lapangan ketika jerebu di Asia Tenggara pada 2015, individu yang memakai N95 mencatat pengurangan gejala pernafasan hingga 60 peratus, berbanding mereka yang memakai pelitup biasa atau tidak memakai langsung.

"Oleh itu, bagi memastikan perlindungan efektif semasa je-

rebu, pemakaian pelitup N95 sangat disarankan, terutama bagi mereka yang bekerja atau berada lama di luar rumah," katanya.

Dalam masa sama, beliau turut menegaskan terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan protokol kecemasan kesihatan khas semasa jerebu terutama jika tempohnya berlanjutan kerana impak terhadap kesihatan awam semakin serius dan berulang saban tahun.

"Tanpa protokol khusus, tindakan kerajaan dan fasiliti kesihatan sering bersifat reaktif dan tidak seragam, menyebabkan kelewatan dalam penyampaian maklumat, pemantauan kes serta kekurangan bekalan pelitup dan ubatan penting.

"Protokol khas boleh merangkumi pelan amaran kesihatan awal, garis panduan rawatan bagi kumpulan berisiko, agihan pelitup N95 secara automatik serta pengaktifan pusat rawatan khas," katanya.

"Tambah pula, sistem kesihatan negara sedang berdepan kekurangan petugas yang memburukkan tindak balas ketika krisis jerebu, jadi tanpa kerangka kecemasan yang mantap, jerebu akan terus membebankan sistem kesihatan secara berulang dan tidak efisien," katanya.

8.	TAJUK	E-SISA RM31.3J DIRAMPAS DARI KILANG DALAM LADANG SAWIT
	SUMBER	BH (24 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	16 (NASIONAL)

## e-sisa RM31.3j dirampas dari kilang dalam ladang sawit

**Ipoh:** Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas sisa elektronik (e-sisa) RM31.3 juta dalam serbuan ke atas kilang haram yang beroperasi di ladang kelapa sawit di Parit.

Komander Briged Utara PGA Ulu Kinta, Senior Asisten Komisioner Shahrums Hashim, berkata dalam serbuan kelmarin, antara barangan dirampas termasuk 81 bongkah e-sisa seberat 105,300 kilogram (kg), 5,000kg arang batu, dua kenderaan pacuan empat roda, lori treler dan bangunan pemprosesan berkeluasan 8,400 kaki persegi.

"Hasil siasatan mendapati kilang haram yang terletak kira-kira lima kilometer dari jalan utama itu disyaki menjalankan aktiviti pemprosesan e-sisa secara haram menggunakan peralatan khas dan tanpa sebarang kelulusan pihak berkuasa.

"Operasi dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak, Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) dan Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah itu turut menahan tiga lelaki tempatan berusia antara 36 hingga 70 tahun bagi membantu siasatan," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Shahrums berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 18, 19, 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Seksyen 6 Akta Peniaga Sekendhend 1946 serta Seksyen 127 Kanun Tanah Negara.

Beliau berkata, pihaknya juga mempergiat usaha penguatkuasaan dan tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang menjalankan kegiatan haram itu, khususnya di Perak.

"Masyarakat atau pengguna diseru supaya menjadi mata dan telinga bagi menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa berhubung aktiviti yang menyalahi undang-undang," katanya.

BERNAMA

9.	TAJUK	TITIK PANAS DI SUMATERA MENINGKAT KEPADA 1,000
	SUMBER	BH (24 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	28 (DUNIA)

# Titik panas di Sumatera meningkat kepada 1,000

Kebakaran terus marak di hutan, tanah gambut susulan cuaca panas dan kering

**Sumatera:** Wilayah barat Indonesia kini berada dalam keadaan berjaga-jaga tahap tertinggi apabila kebakaran terus marak di hutan dan tanah gambut serata Sumatera.

Jurucakap Agensi Pengurusan Bencana Nasional (BNPB) Indonesia, Abdul Muhari berkata, keadaan cuaca panas dan kering meningkatkan risiko, terutama apabila kadar hujan kurang dengan ketara di sebahagian besar Sumatera.

Dua daerah di wilayah Sumatera Barat iaitu Solok dan Lima Puluh Kota mengisytiharkan darurat pada 22 Julai, kerana lebih banyak titik panas dilaporkan di sana.

Pegawai Agensi Pengurusan Bencana Wilayah Sumatera Barat, Ilham Wahab memberitahu *Xinhua*, semua 14 daerah di Solok dilanda kebakaran hutan.

Sementara itu, kebanyakan kebakaran di Lima Puluh Kota di Sumatera Barat adalah di cerun yang sudutnya 70 darjah hingga 90 darjah, sekali gus menyukarkan anggota bomba untuk sampai ke kawasan berkenaan.

Ilham berkata, helikopter yang



Anggota bomba memadam kebakaran tanah gambut di Rimba Panjang, Riau.

(Foto AFP)

menggunakan air dan bahan pemadam api untuk memadamkan kebakaran belum dikerahkan ke Sumatera Barat kerana kebanyakan usaha memadam kebakaran kini sedang diarahkan ke wilayah Riau dan Sumatera Selatan.

### Lebih 140 kebakaran

Lebih 140 kebakaran hutan dan tanah gambut dilaporkan di Riau di tengah Sumatera pada hujung minggu.

Rokan Hilir dan Rokan Hulu adalah dua daerah di wilayah itu yang paling teruk dilanda kebakaran, merangkumi kira-kira 46 hektar, mengakibatkan pencemaran

jerebu teruk di seluruh kawasan itu, sekali gus mengurangkan jarak penglihatan kepada serendah satu kilometer (km).

"Sejumlah kawasan di Riau masih diliputi jerebu tebal pada 22 Julai, walaupun asap belum dilaporkan melanda ibu kota wilayah Pekanbaru," kata Timbalan Ketua Polis Riau, Adrianto Jossy Kusumo.

Bilangan titik panas di Sumatera melonjak daripada 94 kepada lebih 1,000 dalam 10 hari pada Julai, menurut Agensi Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik Indonesia.

BNPB memberi amaran mung-

kin terdapat lebih banyak titik panas jika keadaan kering berterusan.

Pegawai pengurusan bencana telah cuba mengawal kebakaran hutan, antara lain dengan melakukan pembenihan awan untuk menghasilkan hujan.

Kebakaran hutan adalah masalah tahunan di Indonesia, yang merenggangkan hubungan dengan negara jiran.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, asap daripada kebakaran telah menyelubungi bahagian Indonesia, Singapura, Malaysia dan selatan Thailand.

AGENSI

10.	TAJUK	PGA RAMPAS E-WASTE EM3J DI LADANG SAWIT
	SUMBER	HARIAN METRO (24 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (LOKAL)



KILANG pemrosesan e-waste haram dalam ladang kelapa sawit di Jalan Senggang, Parit diserbu PGA Briged Utara.

## PGA rampas e-waste RM31j di ladang sawit

81 blok e-waste 105,300kg ditemui di kilang pemrosesan haram

Oleh Zahratulhayat Mat Arif  
zahastulhayat@inst.com.my

**Ipoh**

Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Utara membongkar operasi pemrosesan e-waste haram berskala besar yang berselindung dalam ladang kelapa sawit di Jalan Senggang, Parit, menyeksikan bahan berbahaya bernilai lebih RM31 juta dirampas. Komandernya, Senior Asisten Komisioner Shahrum Hashim berkata, Operasi Hazard yang dilakukan kelmarin itu turut menahan tiga lelaki tempatan berusia antara 37 dan 60 tahun.

Katanya, ketika serbuan jam 9 pagi itu anggota menemui sebuah kilang haram kira-kira

5 kilometer dari jalan utama yang terdapat sebuah lori treler dengan muatan sisa elektronik (e-waste) dipadatkan dan belum diproses.

"Pemeriksaan menemukan 81 blok e-waste yang disyaki seberat 105,300 kilogram (kg) bersama 5,000kg arang batu, pelbagai peralatan pemrosesan e-waste, dua kenderaan pacuan empat roda dan sebuah bangunan dianggarkan 8,400 kaki persegi, dipercayai digunakan untuk pemrosesan e-waste.

"Jumlah anggaran nilai bahan dan aset yang dirampas adalah RM31.3 juta," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Shahrum berkata, siasatan

awal mendapati sindiket terbabit menjalankan pemrosesan e-waste tanpa lesen yang sah.

"Kami mengesyaki pembabit sindiket yang lebih besar beroperasi di seluruh negeri dan sedang mempergiat usaha untuk mengesan individu lain yang terbabit.

"E-waste yang dirampas diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar Perak untuk siasatan lanjut," katanya.

Beliau berkata, PGA komited untuk membanteras aktiviti pemrosesan e-waste haram di seluruh wilayah utara.

"Kami tidak akan berkompromi dalam penguatkuasaan undang-undang, terutama dalam kes yang

membabitkan kemodaran alam sekitar dan keselamatan awam.

"Orang ramai digesa untuk melaporkan sebarang aktiviti pemrosesan sisa yang mencurigakan atau haram kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk membantu menjaga alam sekitar," katanya.

Kes disiasat di bawah beberapa seksyen Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 termasuk Seksyen 18 kerana menjalankan aktiviti yang ditetapkan tanpa lesen; Seksyen 19 kerana membina struktur untuk aktiviti tersebut tanpa kelulusan; Seksyen 34A kerana beroperasi tanpa kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar dan Seksyen 34B kerana menyimpan atau melupuskan sisa terajual tanpa kebenaran.

**"E-waste dirampas diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar Perak Shahrum"**

10.	TAJUK	PULIHKAN KELESTARIAN LAUT DEMI MENYELAMATKAN BUMI, MANUSIA
	SUMBER	BH (25 JULAI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	11 (KOMENTAR)

# Pulihkan kelestarian laut demi menyelamatkan bumi, manusia



Pengarah  
Esekutif Pusat  
Kesihatan Planet  
di Surway University

Oleh Prof Tan Sri Dr Jemilah Mahmood  
bhrencana@bh.com.my

Saya terpersona dengan keindahan laut selepas belajar menyelam skuba, 20 tahun lalu. Namun, pemandangan bawah laut dilihat hari ini jauh berbeza berbanding dahulu.

Kini, laut kita mengalami pemutihan karang dan pengurangan dalam hidupan marin hingga menimbulkan kesedihan dalam lubuk hati saya.

Laut meliputi lebih 70 peratus permukaan bumi, tetapi sebenarnya ia lebih daripada sekadar air, tetapi asal usul semua kehidupan, satu penempatan iklim penting serta sumber makanan dan ubat-ubatan.

Namun, kini laut kita terancam - daripada fenomena pemanasan global dan pengasidan laut kepada penggunaan pukat tunda berskala industri dan perlombongan laut dalam. Ancaman ini bukan sekadar keimbangan alam sekitar, bahkan isu kesihatan awam yang memerlukan perhatian segera.

Laut menyerap 25 peratus daripada pelepasan karbon dioksida dan 90 peratus haba berlebihan. Kebolehan ini melindungi kita daripada pemanasan global ekstrem.

Namun, ia mempunyai akibatnya. Laut semakin panas meningkatkan kejadian pemutihan karang, mengurangkan oksigen, meningkatkan paras laut dan mengganggu ekosistem marin; lantas mengurangkan kebolehannya untuk menyokong kehidupan, termasuk kehidupan manusia.

Kejadian ledakan alga berbahaya dan bakteria seperti *Vibrio cholerae* (yang menyebabkan kolera) semakin meningkat, lantas meningkatkan risiko kepada keselamatan makanan dan kesihatan awam. Kerosotan kesihatan laut turut akan menyebabkan kerosotan kesihatan planet, seterusnya manusia.

Pada Mei lalu, saya berpeluang menghadiri tayangan perdana *Ocean*, filem dokumentari terbaru menampilkan David Attenborough. Filem dokumentari dilancarkan pada 8 Mei sempena ulang tahun ke-90, pada masa sama sangat memukau dan menayat hati.

Filem dokumentari ini menggunakan imej menunjukkan kontras keadaan laut semasa, iaitu keindahan terumbu karang dan hutan kelp dengan kemusnahan disebabkan pukat tunda serta keruntuhan ekologi.

*Ocean* lebih daripada filem dokumentari, tetapi seruan untuk bertindak. Filem ini berhujah undang-undang sedia ada gagal melindungi hidupan marin dan menuntut reformasi.

Filem ini menawarkan satu harapan: dengan menampilkan kawasan perlindungan dari Hawaii ke Scotland sebagai contoh. Selepas kawasan ini dipulihara, ekosistem marin kini semakin pulih. Ia menunjukkan jika kita memulihkan keadaan laut, kita akan memulihkan kestabilan iklim, ketahanan makanan dan kesejahteraan manusia.

Antara adegan paling menyayat hati adalah yang memberi fokus kepada penggunaan pukat tunda dasar laut. Attenborough mengemukakan teknik penangkapan ikan ini sebagai 'penjajahan laut zaman moden'.

Teknik ini menggunakan pukat besar dilikat dengan pemberat, kemudian ditunda merentas dasar laut. Ia memusnahkan ekosistem rentan, karang air sejuk, kawasan rumput laut dan hutan kelp - semuanya kawasan tadahan karbon serta sumber kepelbagaian biologi.

Karbon tersimpan dalam sedimen marin akan diganggu, kemudian dilepaskan ke atmosfera. Kajian menunjukkan teknik penangkapan ini mele-

paskan karbon tahunan sama banyak dengan industri penerbangan global.

Kesan pukat tunda kepada manusia amat teruk. Kemusnahan habitat mengurangkan stok ikan, lantas membelakangkan ketenteraman makanan untuk bilion orang, terutama komuniti pesisir pantai dan berpendapatan rendah.

Pada masa sama, sedimen terganggu ini melepaskan logam berat dan mikroplastik ke dalam air, mencemarkan makanan laut serta mengancam kesihatan awam.

Pengasidan laut mengurangkan tahap pH, menyukarkan penghasilan cengkerang atau rangka bagi hidupan marin seperti kerang dan karang. Sebanyak 90 peratus terumbu karang menghadapi risiko kemusnahan dalam tempoh dua dekad akan datang.

## Ancaman jejas kepelbagaian biologi

Ancaman besar ini menjejaskan kepelbagaian biologi dan lebih 1 bilion orang yang bergantung kepada terumbu karang. Pada masa sama, perlombongan laut dalam dicanang sebagai usaha amat penting untuk pembangunan teknologi hijau.

Namun, ini membangkitkan keimbangan kritikal: Adakah kita sedang menggantikan krisis alam sekitar sedia ada dengan krisis alam sekitar lain?

Ancaman dihadapi laut amat berkait rapat dengan kesihatan diri kita. Ribut taufan dan kenaikan air laut disebabkan perubahan iklim menyebabkan perpindahan komuniti serta menjejaskan sistem kesihatan.

Malah, kesejahteraan mental kita juga terjejas, apabila keindahan laut dan kepentingan budayanya semakin berkurangan, begitu juga dengan kebolehannya untuk mengubati. Di laut dalam pula, gangguan kepada sistem mikrob purba mungkin menyebabkan ancaman belum kita fahami.

Filem dokumentari dilancarkan sebelum Persidangan Lautan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Nice ini amat bertepatan dengan masanya. Ia memacu momentum untuk Perjanjian Kepelbagaian Biologi Laut Lepas (BBNJ) dengan harapan perjanjian ini dapat dikuatkuasakan ketika Perhimpunan Agung PBB pada 9 September nanti.

Memandangkan separuh daripada oksigen terdapat di atmosfera berpunca dari laut dan keba-

nyakan kawasan laut terletak di laut lepas, iaitu di luar bidang kuasa negara PBB, ia langkah penting untuk mengekalkan kesihatan planet serta kejayaan multilateralisme yang jarang dalam keadaan dunia sedang mengalami ketegangan global.

Bagi rakyat Malaysia, isu ini bukanlah abstrak. Malaysia adalah negara maritim. Perikanan pesisir pantai menjadi punca pendapatan bagi pelbagai komuniti. Peningkatan paras laut dan kematian terumbu karang bukan ancaman masa depan; tetapi isu ini sedang memberi kesan kepada kita.

Oleh itu, seruan untuk bertindak saya pada bulan ini cukup jelas. Kita perlu mengambil inisiatif dan melaksanakan tanggungjawab kita dengan:

- Meluaskan kawasan perlindungan marin untuk meliputi sekurang-kurangnya 30 peratus kawasan laut menjelang 2030, dengan penguatkuasaan kukuh. Pada masa ini, kawasan perlindungan marin hanya meliputi 3 peratus daripada jumlah kawasan laut negara.

- Mengharamkan teknik penangkapan ikan yang memusnahkan, terutama penggunaan pukat tunda. Pada masa ini, lebih 6,000 bot pukat tunda didaftarkan di negara ini.

- Menyokong moratorium untuk perlombongan laut dalam, sehingga dan kecuali terdapat bukti saintifik bahawa amalan ini adalah selamat.

- Mengintegrasikan dasar laut dan iklim - laut yang sihat adalah amat penting untuk daya tahan iklim. Inisiatif Segi Tiga Terumbu Karang adalah permulaan baik, tetapi terdapat keperluan meningkatkan cita-cita.

- Labur dalam kesedaran laut, terutama dalam kalangan belia. Filem dokumentari *Ocean* ditayangkan untuk tontonan murid sekolah dan reaksi mereka menunjukkan bagaimana pengetahuan mampu menggerakkan hati serta memberi inspirasi untuk bertindak.

Laut bukanlah satu perkara yang asing. Laut adalah perisai perubahan iklim, sumber makanan dan rakan kongsi kesihatan. Jika fungsi laut terancam, maka kehidupan kita juga akan terkesan.

Namun seperti *Ocean* memperingatkan kita, laut kita masih boleh dipulihkan. Attenborough mengajak kita untuk mengambil berat dan kita wajib berbuat demikian. Ini kerana apabila laut kekal sihat, begitu juga keseluruhan umat manusia.



Kemusnahan karang akibat kegiatan manusia mengganggu ekosistem marin.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi  
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**